



JUARA Bicara Berirama, SM Sains Labuan bersama Haji Taufik (empat kiri), Asbollah (lima kiri) dan Yahya (dua kiri).

SM Sains Labuan muncul juara

► Ungguli Pertandingan Bicara Berirama peringkat WP Labuan

UB 6.5.2018 B3
LABUAN: Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL) mengungguli Pertandingan Bicara Berirama Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2018 yang diadakan di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), pada Khamis.

Kejayaan itu merupakan kemenangan buat kali ketiga selepas menjuarainya pada tahun 2015 dan 2016.

Kumpulan itu yang dilatih cikgu Yahya Burhanuddin menampilkan aksi persembahan menghiburkan dengan tajuk 'Keusahawanan Pemangkin Kesejahteraan' turut membawa pulang hadiah Skrip Terbaik dan Konduktor Terbaik menerusi Mitchell Stanley Michael.

"Kami menghimpunkan pelajar Tingkatan 1, 2 dan 4 untuk membentuk pasukan Bicara Berirama yang mampu bersaing di peringkat negeri dan kebangsaan.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Pengetua SM Sains Labuan Haji Mahamad Shukri Said yang sentiasa memberikan

sokongan moral kepada kami. Begitu juga dengan guru-guru yang lain di samping kegigihan peserta itu sendiri,"katanya.

SMK Labuan menduduki tempat kedua kategori persembahan dan ketiga Skrip Terbaik.

Tempat ketiga SMK Taman Perumahan Bedaun kategori persembahan dan kedua Skrip Terbaik.

Turut mengambil bahagian SM Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWP), SMK Rantau-Rantau dan SMK Lajau.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMSKAL, Haji Taufik Abd Latif yang mewakili Pengarah UMSKAL Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Turut menyampaikan hadiah ialah Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Labuan Asbollah Amit, Pensyarah UMSKAL Shamsulbahri Mohd Nasir dan Penolong Kanan Kokurikulum, SMK Rantau-Rantau Fauziah Haji Idris.



TAUFIK menyampaikan hadiah Konduktor Terbaik kepada Mitchell Stanley Michael dari SM Sains Labuan.

Hadir sama Ketua Unit Kokurikulum Subari Dwar dan Pengarah Program Mohamad Amirul Asraf.

Pertandingan Bicara Berirama dianjurkan Jabatan Pendidikan Labuan manakala PPIB UMSKAL dan SMK Rantau-Rantau sebagai pengelola bersama.

"Terima kasih kepada UMSKAL yang sudi bekerjasama menjayakan Pertandingan Bicara Berirama buat kali pertama dengan Jabatan Pendidikan Labuan. Saya berharap lebih banyak kerjasama dapat dijalin antara kedua-dua pihak," kata Asbollah.